

# 10,000 bermasalah masih berkhidmat

**K**UALA LUMPUR: Kira-kira 10,000 kakitangan awam yang dikategorikan sebagai pekerja bermasalah masih bertugas di pelbagai jabatan dan agensi kerajaan di seluruh negara.

Presiden Cuepacs, Omar Osman, berkata walaupun jumlah itu kecil berbanding keseluruhan kakitangan awam, 1.2 juta orang, sikap dan masalah mereka boleh memberi kesan kepada prestasi perkhidmatan awam.

“Mereka antaranya menghadapi masalah kesihatan, gangguan mental dan tidak berdisiplin,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Bagaimanapun, Omar berkata, menerusi Pekeliling Perkhidmatan Awam 9/2007 yang baru, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), boleh bertindak tegas ke atas pekerja terbabit termasuk dibersarakan awal.

“Kita berharap mereka yang dikategorikan tidak disiplin boleh mengubah sikap dan menjalankan tugas sebaik mungkin.

“Kalau tidak mereka bakal ber-

depan tindakan kerajaan yang boleh dibersarakan awal daripada perkhidmatan,” katanya.

Omar juga berkata, Cuepacs akan mengadakan pertemuan dengan JPA bagi membincangkan kaedah peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) yang baru untuk kakitangan awam Kumpulan Sokongan Satu (Gred 17 hingga 40) dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 hingga 54).

Katanya, perjumpaan sama sudah diadakan minggu lalu untuk kategori kakitangan awam Kumpulan Sokongan Dua (Gred 1 hingga 16) dan ujian PTK untuk kumpulan itu dihapuskan, tetapi proses kenaikan pangkat dinilai mengikut prestasi kerja dan temu duga secara lisan oleh ketua jabatan.

“Jika Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi boleh memenuhi tuntutan kakitangan awam, kita juga hendaklah memenuhi harapan Perdana Menteri dan menjadi jentera pentadbiran kerajaan yang cekap dan berdisiplin,” katanya.